

16 OCT 2003

PERAK ANJUR SEMINAR KHAS PEMIKIRAN DR MAHATHIR

IPOH, 16 Okt (Bernama) -- Kerajaan Perak melalui Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK), akan menganjur seminar khas bertajuk "Dr Mahathir Pemikir Islam Pada Abad ke-21, Selasa depan sebagai menghargai sumbangan Perdana Menteri kepada pembangunan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri dan Penerangan Perak Datuk Ramly Zahari berkata seminar sehari itu bertujuan melihat kembali peranan Dr Mahathir sebagai seorang pencetus idea baru pada abad ini di Malaysia dan dunia.

Berdasarkan pemikirannya, nyatalah Dr Mahathir merupakan salah seorang pemikir abad ini setaraf dengan ulama Mujahiddin seperti Jamaluddin Al-Afghani, Muhamad Iqbal dan Muhamad Abduh, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Ramly berkata seminar yang akan dihadiri 1,000 wakil pelbagai kementerian dan jabatan serta pertubuhan bukan kerajaan itu, akan membincangkan tiga kertas kerja - "Pemikiran sains Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Perspektif Islam" oleh Nor Azruddin Husni Hj Nurudin, Fellow Kanan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Dua lagi kertas kerja "Sejarah dan Bangsa Melayu dari sudut Pemikiran Dr Mahathir Mohamed" akan dibentangkan oleh Prof Dr Nik Anuar Nik Mahmud, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UKM) dan "Perkongsian Kuasa dan Penerusan Kepimpinan Islam di Malaysia" oleh Prof Madya Dr. Faisal Hj. Othman, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam (UKM).

Seminar itu akan dirasmikan oleh Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Tajol Rosli Ghazali.

-- BERNAMA

PBA LAT